

**MERBAU JAMBUL HITAM**  
Black-crested Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus melanicterus*



#### **CIRI-CIRI**

Bahagian atas badan berwarna agak seragam iaitu warna kehijauan buah zaitun. Bagi burung juvenil pula, bahagian kepala lebih pudar dan kecoklatan manakala bahagian tekak pula berwarna antara kuning dan hijau buah zaitun. Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 18.5 sm-19.5 sm.

#### **HABITAT**

Ia mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap, kawasan pinggir hutan, hutan sekunder, hingga ke ketinggian 2,565 m dari aras laut.

#### **MAKANAN**

Ia memakan buah-buahan seperti dari jenis beri, serangga, nektar dan pucuk bunga.

#### **BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan yang riang dan pantas *whitu-whirru-wheet*, *whit-whaet-ti-whaet* dan *whi-wiu*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak pula adalah dari bulan Januari hingga September setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-4 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibina pada tumbuhan renek setinggi 30 sm-2.5 m tinggi dari aras tanah.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.